

Proletar semua negara, bersatulah!



Imperialisme dan Semua Reaksioner adalah Harimau Kertas: Bersatu di bawah Maoisme, Marilah kita Buka dengan Tindakan Fajar Baharu

Kami merayakan salah satu lagi ulang tahun kelahiran Pengerusi Mao Tse-tung, Ketua Agung Proletariat, yang membuat salah satu sumbangan revolusioner terbesar kepada sejarah manusia dan yang terus menginsafkan dan membimbing kita dalam masa golak yang kita hidup dalam. Kami menegakkan, mempertahankan dan mengamalkan Marxisme-Leninisme-Maoisme, yang apabila dimanifestasikan dalam rakyat sedunia adalah senjata yang maha berkuasa dan tak terkalahkan terhadap imperialisme, reaksi dan revisionisme.

Kami juga memperingati sempena ulang tahun ketiga Liga Komunis Antarabangsa, menegaskan semula komitmen kami untuk memperjuangkan perpaduan Gerakan Komunis Antarabangsa, di bawah Marxisme-Leninisme-Maoisme, berjuang untuk

penubuhan semula Yang Gemilang Internasional Komunis, berbakti kepada Revolusi Proletariat Dunia.

Liga Komunis Antarabangsa menyalami proletariat antarabangsa, rakyat dan negara tertindas, Perang-Perang Rakyat di Peru, India, Turki dan Filipina, dan Parti-Parti Komunis yang memimpinnya: Parti Komunis Peru (PCP), Parti Komunis India (Maois) [PKI (Maois)], Parti Komunis Turki/Marxis-Leninis (TKP/ML) dan Parti Komunis Filipina (PKF). Kami menurunkan bendera-bendera merah demi pahlawan-pahlawan Parti dan Revolusi yang memberi nyawanya pada tahun 2025:

Sempena ini, kami menyampaikan penghormatan yang tulus ikhlas kepada Kawan Basavaraj, Setiausaha Agung PKI (Maois) dan kader-kader Jawatankuasa Pusat (JP) yang gugur dalam pertempuran. Legasi mereka adalah sumber kebanggaan Kelas kita; pengorbanan mereka dalam pertempuran adalah perisytiharan perang! Tiada keamanan, tiada perdamaian! Tiada pemeliharaan sendiri, marilah kita memberi nyawa kita demi Parti dan melancarkan Perang Rakyat sehinggalah kejayaan habis-habisan! Untuk mempertahankan Kawan Basavaraj adalah untuk mempertahankan garis Perang Rakyat bagi PKI (Maois) terhadap revisionisme.

Kami juga menyampaikan penghormatan kepada Kawan Maria Malaya, ahli Biro Politik PKF yang gugur dalam pertempuran pada Februari 2025, dan kepada ratusan militan dan kombatan yang telah membasahi tanah dengan darah murninya demi Perang Rakyat.

Kami juga memanjangkan salam mesra kepada massa tertindas, yang membangkit dan berjuang di seluruh planet ini, kepada perang-perang pembebasan nasional dan terutamanya Barisan Penentangan Negara Palestin yang heroik.

Bukit Reaksi: Krisis umum melonjak dalam kemerosotannya.

Krisis kemerosotan kapitalisme dalam tahap tertingginya, imperialisme menajamkan dan memanifestasikan diri dalam segala lapangan: ekonomi, politik, tentera dan ideologi. Imperialisme, dalam bentuk tertingginya, menunjukkan peruncingan intipati ekonominya: yang paling bermonopoli, yang paling berparasit, dan dalam proses kemerosotan dan keruntuhan yang lebih lanjut.

Dari segi ekonomi, krisis imperialisme telah mendalam atas asas krisis produksi berlebihan yang berturut-turut: dengan kemelesetan lalu pemulihan perlahan, diikuti krisis-krisis baru (kitaran lebih pendek), yang membuatkan kitaran ekonomik bermula

daripada titik yang lebih rendah; yang menyebabkan kemuflian tersebar luas, pengangguran struktural besar, penurunan genting pada tingkat produksi dan pelaburan, lebih lagi spekulasi, penumpuan dan pemusatan modal dan kepemiutangan (*“rentierism”*) serta “pengkewangan” (*“financialization”*) ekonomi yang sebegitu dipanggil, yang membuka jalan untuk kitaran-kitaran krisis baru yang lebih mendalam dan kerap, yang membuatkan imperialisme lebih dekat kepada fasa keruntuhannya dan penyapuan bersihnya oleh Revolusi Proletariat Dunia. Tahun ini, harga emas mencapai tahap tinggi yang bersejarah, ini mencerminkan ketidakstabilan global dan kelemahan dolar, dengan ramalan ekonomi bagi tahun 2026 menyatakan kelambatan (*“slowdown”*) ekonomi dengan risiko “krisis hutang” dan “kewangan yang turun naik” (*“financial volatility”*)[\[1\]](#). Imperialisme Yankee betul-betul cuba menyusun semula ekonominya melalui mengenakan penyelarasan atas pasaran dunia, yang ingin mendapati semula posisi-posisi, memecah pakatan dan koalisi dengan pesaing-pesaing imperialis, menyasarkan terutamanya China, dan memperkukuhkan penguasaannya atas negara-negara tertindas dan meningkat darjah pemerasan proletariat di negara sendiri, seperti ditunjukkan dengan penindasan anti-imigran di Amerika Syarikat.

Perang perdagangan juga alat yang ingin menyusun semula rantai bekalan dan memusatkan modal di AS untuk sebuah ekonomi perang, kosnya, sebalik retoriknya, dijatuhkan atas keluarga-keluarga Amerika Syarikat—kereta, besi dan elektronik menjadi lebih mahal, yang bermakna kos tambahan \$1,200 bagi setiap keluarga Amerika Syarikat[\[2\]](#). Perdagangan dunia semakin lambat dan kilang-kilang di Mexico dan Kanada hilangnya pos-pos kerja. Inilah hukum bahawa mereka hanya keluar daripada sebuah krisis dengan menyediakan untuk satu yang lebih kuat, menumpukan dengan lanjut kuasa monopoli, maka meningkatkan pemerasan, pengekstrakan nilai lebihan, intensifikasi penindasan proletariat di negara sendiri dan juga rakyat dan negara-negara tertindas, dan menajamkan perebutan untuk pembahagian kekayaan. Imperialisme Yankee tidak boleh menyelesaikan kontradiksinya antara parasitisme dan kemerosotan asas ekonominya dan keinginannya untuk mengekalkan status sebagai satu-satunya kuasa super berhegemoni, ini menunjukkan proses keruntuhan — hal yang tidak dapat dielakkan seperti dengan semua empayar sebelumnya.

Dari segi politik, krisis umum imperialisme dinyatakan dengan pengreaksian Kerajaan-Kerajaannya yang lebih tinggi bagi perkembangan perang dalaman terhadap rakyat dan perang di luar negara: yang bagi proletariat dan massa rakyat di negara-negara imperialisme bermakna penindasan hak-hak dan kebebasan-kebebasan yang

dicapai, lagipun bagi massa terdalam dan terluas, iaitu massa migran, dan bagi negara-negara tertindas bermakna lebih lagi penindasan nasional dan perang pencerobohan imperialis untuk penjarahan. Pengtenteraan dan pengreaksian Kerajaan-Kerajaan imperialis dan kapitalisme birokratik semakin pesat. Tahun pertama kerajaan ultra-reaksioner Trump memperkuat kemutlakan presiden bagi mengamalkan pelan-pelan strategik imperialisme Yankee dengan pencerobohan yang dahsyat, bertujuan untuk mendorong kecenderungan kepada kerajaan-kerajaan yang serupa dan reaksi, kerajaan-kerajaan yang sebegitu dipanggil “kanan jauh” di Eropah dinyatakan dengan pilihanraya terkini di Jerman, Perancis dan Portugal serta di Amerika Latin dengan pilihanraya presiden yang memilih pembela terbuka kediktatoran Pinochet; kesemua ini adalah kenyataan krisis mendalam yang menyakitkan di superstruktur, krisis demokrasi borjuis, kemerosotan ideologi dan kegagalan “kiri” kononnya dan demokrasi sosial.

Dari segi tentera, kader-kader tentera reaksi mengakui dalam caranya sendiri proses kemerosotan imperialisme yang lebih lanjut, yang juga dicerminkan dengan Amerika Syarikat dalam Strategi Keselamatan Nasionalnya yang diterbitkan pada November.

Imperialisme Yankee, satu-satunya kuasa super berhegemoni (kuasa berhegemoni dunia), cuba dengan segala cara untuk memajukan objektif strategiknya untuk menguasai imperialisme Rusia (kuasa super atom), dan membendung kemajuan imperialisme China di seluruh dunia; tetapi sekarang ia hanya boleh mengakui kegagalan dasar “pencegahan” selama dua dekad belakangan ini dan mempercepatkan persediaan untuk “perang konvensional multinasional” dan “zaman persaingan antara Kuasa-Kuasa besar” yang baru, objektif utamanya adalah untuk menghalang kemunculan kuasa super yang bermusuhan dan untuk meningkatkan kawalan atas negara-negara setengah kolonial dan kolonial, penjarahan perebutan imperialis, terutamanya menyasarkan kelas tani dan tanah-tanahnya, menyusun semula struktur tentera global dalam cubaannya untuk mengekalkan hegemoni yang merosot. Inilah keahkiran *Pax Americana* dan pengembalian perang berskala besar; mereka bersedia untuk Perang Dunia III di tengah-tengah perang-perang yang semakin terbuka dan berdarah.

Sejak pentadbiran Obama, kelas pemerintah Yankee telah melaksanakan “Berkisar pada Asia” yang sebegitu dipanggil, iaitu tindakan yang menandakan formalisasi dasar luar negeri untuk membendung kebangkitan China imperialis sosial dan berputar pada Pasifik sebagai medan utama dalam perebutan inter-imperialis. Tetapi strategi

tentera Yankee berdepanan dengan pengehadan konkrit yang dikenakan oleh kontradiksi-kontradiksi dalaman. Kegagalan tentera dan politik secara menyeluruh di Iraq dan Afghanistan, yang selepas dekad-dekad pencerobohan ia telah diusir dengan malu-malu tanpa memenuhi objektif-objektif strategiknya, tanpa mencapai kestabilan yang diperlu untuk menjarah rantau dan memindahkan angkatan tentera Yankee dari bahagian lain glob, ataupun mewujudkan perkakas-perkakas yang secukupnya stabil dan sikap bertunduk untuk berkhidmat sebagai sebuah kubu demi penguasaannya di rantau. Serangan heroik oleh Perang Pembebasan Nasional Palestin memukul dengan mahir pelan-pelan imperialisme dan reaksi di rantau; “pelan Abraham” iaitu pelan normalisasi dan pengasingan perjuangan Palestin sebelum 7 Oktober 2023 telah menterbalikkannya menjadi pengasingan meningkat Israel, menjadi gerakan anti-imperialis kuat yang mengancam untuk membawa perang ke negara sendiri, seperti ditunjukkan oleh pembunuhan berani pegawai-pegawai di kedutaan Israel di Amerika Syarikat dan mobilisasi berlawanan di metropolitan imperialis besar.

Barisan Penentangan Negara Palestin, walaupun tiada kepimpinan proletariat, syarat diperlu untuk kejayaan lengkap — iaitu, untuk menukarkan diri menjadi revolusi —, telah memperkukuhkan perpaduannya dalam keperluan untuk menjalankan perjuangan terhadap pendudukan Zionis sampai selesai, menolak seruan-seruan untuk keamanan dan pendamaian dan peranan sinis oleh boneka Abbas dan Pihak Berkuasa Negara Palestin yang kosong. Walaupun Israel cuba mengenakan kehendaknya melalui keunggulan dalam persenjataan, dengan pembunuhan beramai-ramai, penentangan gerila, dan peperangan politik dan moral, Barisan Penentangan Negara Palestin dimarakkan oleh perjuangan yang tidak dapat dibasmi oleh roket-roket, dan adalah pemenang dalam pertempuran ini. Perang ini turut berlancar, dan ia adalah perang berpanjangan yang berkhidmat kepada kekuatan rakyat dan membenarkan pemenuhan keperluan revolusi Palestin yang menuntut dengan darah yang sebanyak-banyaknya ditumpah: Parti Komunis Palestin.

Di Eropah, kader-kader tentera tertinggi bagi angkatan reaksioner menunjukkan dengan jelas: *“Dividen keamanan”, yang menggalakkan banyak sekutu NATO untuk mengurangkan perbelanjaan pertahanan mereka selepas tamat Perang Dingin, telah berakhir. Kita mesti menerima bahawa pasukan tempur bersekutu mesti sedia untuk “bertempur malam ini” untuk mempertahankan setiap inci wilayah NATO. (...) Pakatan ini sekarang mesti sedia untuk operasi tempur berskala besar (LSCO) terhadap musuh-musuh, sebuah perubahan radikal daripada kontra-pemberontakan dan operasi kestabilan yang dilancarkan dua dekad yang lalu.* Bagi ini, solusinya jelas: NATO mesti

mentransformasikan diri menjadi jentera perang mampu diri yang berpegang teguh kepada sebuah prinsip terang: *"Jisim mesti menemui jisim"*. Amerika Syarikat ingin mengeluarkan kos; ia bertindak dengan memberi perintah, kawalan dan teknologi canggih, sambil sekutu-sekutu Eropah akan menyediakan "jisim" pertempuran", juga mengamalkan "pecah dan perintah" yang bertujuan untuk mengadu Jerman dan Perancis terhadap Rusia dan juga, mengasingkan Rusia daripada China. Di tengah-tengah perebutan dan persepakatan, imperialisme Yankee dan imperialis-imperialis Eropah bermara dengan pengtenteraan masyarakat yang terbesar, meletakkan kos pengtenteraan atas rakyat dan mendaftarkan mereka sebagai umpan meriam (*"cannon fodder"*) untuk konfrontasi tentera bagi masa hadapan di benua lama.

Pada Barisan Domestik dan "Barisan Belakang" kuasa berhegemoni, yang sebegitu dipanggil "Hemisfera Barat", Strategi Keselamatan Nasional AS yang baru mendedahkan aplikasi "Tambahan Trump" kepada Doktrin Monroe yang terkenal, mengisytiharkan "penyelarasan kehadiran tentera" di hemisfera tersebut untuk mencegah migrasi, penyeludupan dadah dan pengaruh kuasa-kuasa musuh, membenarkan "penggunaan kekerasan berbahaya". Inilah pendudukan Amerika Latin dari segi politik, ekonomi dan tentera, dengan menyusun sistem pangkalan-pangkalan tentera yang ingin memastikan Amerika Latin sebagai pangkalan strategik bagi penguasaan globalnya dan cuba membendung pemberontakan rakyat dan mencegah revolusi di benua dan kawasan belakangnya. Walau bagaimanapun, pencerobohan besar terhadap rakyat tertindas Amerika Latin mempunyai implikasi politik di seluruh benua, mengobar-ngobarkan revolusi demokratik baharu dengannya mobilisasi anti-imperialis besar. Amerika Syarikat tidak sekalipun mampu menyelesaikan kontradiksi antara kepentingan busuknya sebagai penyembelih imperialis dan kepentingan rakyat sendirinya, sebuah kontradiksi yang berbesar-besar seiring dengan pencerobohan meningkatnya terhadap rakyat sedunia dan bermanifestasi diri dalam gerakan revolusioner dan komunis yang semakin kuat dalam perutnya sendiri.

Logik imperialisme mematahui hukum saintifik bersejarah yang ditunjukkan oleh Pengerusi Mao Tsetung: *"Buat hal, gagal, buat hal lagi, gagal lagi... sehinggalah pembinaan: inilah logik imperialis dan semua reaksioner sedunia"*. Hari ini, ia menghadapi penyapuan bersihnya dari muka Bumi, memperhebatkan pertentangan inter-imperialis untuk pembahagian kekayaan, iaitu negara-negara dan rakyat tertindas, dan bersedia untuk perang dunia ketiga di tengah-tengah perang yang

semakin terbuka dan berdarah; yang menyemarakkan Revolusi Proletariat Dunia ataupun dicegah olehnya.

Bukit Rakyat: ribut revolusi baru sedang berkecamuk.

Di seluruh dunia, massa bergerak dan bangkit memberontak. Arus revolusioner ini merangkumi seluruh spektrum kesedaran dan organisasi: dari ledakan spontan, melalui perjuangan dengan bentuk kesedaran dan organisasi yang lebih tinggi, ke kemajuan tidak terhentikan dalam pembentukan pelopor proletariat: Parti-Parti Komunis, dan Perang-Perang Rakyat, suar-suar merah yang menyulahi jalan ke komunisme.

Tahun ini, di Nepal, kemarahan rakyat menggulingkan presiden reaksioner KP Sharma Oli, membakarkan parlimen dan rumah agam pemerintah, termasuk revisionis itu, Prachanda, yang pengkhianatannya masih tidak dilupakan. Tindakan ini menunjukkan kekuatan terpendam massa dan keperluan penting untuk kembali kepada jalan Perang Rakyat sebagai satu-satunya jalan keluar sebenar. Tahun ini, pemberontakan kuat berlaku di Bangladesh pada Mei, Ecuador pada Oktober, Filipina dan Indonesia pada September dan Oktober, dan perjuangan-perjuangan yang merebak di seluruh Afrika; kesemua ini adalah kenyataan kekuatan sama ini dan pengumuman pemberontakan rakyat di seluruh dunia.

Gerakan anti-imperialis semakin meningkat dan mengukuh pada skala global, menunjukkan sifat yang semakin berlawanan dan mengambil langkap ke arah organisasi. Pembebasan pejuang Georges Ibrahim Abdallah selepas 41 tahun dalam penjara Perancis adalah kejayaan penting, dicapai selepas dekad-dekad perjuangan berkekalan dan mobilisasi kekuatan revolusioner antarabangsa. Mogok umum (hartal) di Itali pada 22 September yang melumpuhkan negara itu dalam solidariti dengan Palestin, adalah salah satu lagi contoh bagi kemajuan kesedaran anti-imperialis. Inisiatif anti-imperialis baru sedang muncul dan berkembang, sedangkan masih pada tingkat mudanya, mendorong gerakan anti-imperialis antarabangsa yang kuat.

Di hati binatang-binatang imperialis, pertentangan kelas terus-menerus tanpa terputus-putus. Di China imperialis sosial, kontradiksi antara borjuasi dan proletariat menajam, bermanifestasi diri dalam gelombang protes pekerja yang baru. Perancis sekali lagi menjadi tempat perjuangan dengan hari-hari berlawanan dan perjuangan

terhadap dasar austeriti, sementara di Amerika Syarikat, jalan dan lebuh Los Angeles menjadi parit perlawanan terhadap dasar-dasar anti-imigran yang reaksioner.

Tahun ini, Operasi *Rough Rider* terhadap kaum Houthi (Ansrallah), sedangkan kempen besar — lebih daripada 1,100 serangan udara, dua kapal pengangkut pesawat, pengebom B-2 — kaum Houthi masih menyebabkan kerosakan signifikan: mereka menembak jatuh tujuh dron MQ-9 (satu dron bernilai \$30 juta), merisikokan jet pejuang yang canggih dan mengenakan kos operasi yang lebih daripada \$1 bilion dalam 30 hari. Penasihat kanan AS memberi amaran bahawa meneruskan operasi ini mengancam kebersediaan tentera di medan utama Pasifik, maka Trump terpaksa menyerah, mengisytiharkan kejayaan palsu, sambil kaum Houthi mengisytiharkan kemenangannya dan melancarkan serangan roket kepada lapangan terbang Israel.

Namun, di tanah bersejarah Palestin, didedahkan sepenuhnya sifat harimau kertas imperialisme AS dan perkakas Zionisnya. “Kuasa keras” paling kejam terhempas terhadap keazaman besi rakyat. Israel, anjing buruan AS, telah melancarkan kemusnahan yang tidak pernah berlaku sebelum ini, dengan lebih daripada 70,000 pejuang membasahi tanah Palestin dengan darahnya. Namun, ia gagal untuk mengalahkan ataupun memecahbelahkan Barisan Penentangan Negara Palestin, ataupun dapat membahagikan Angkatan Tentera Palestin daripada rakyat heroiknya yang menentang dan, sebagai tindakan perang, menolak meninggalkan tanah meskipun kebuluran dan genosid zalim. Barisan Penentangan telah menumbuhkan akarnya di hati-hati rakyat, seperti ditunjukkan oleh tinjauan Pusat Palestin untuk Penyelidikan Politik, yang menunjukkan peningkatan sokongan untuk organisasi-organisasi penentangan Palestin.

Di Brazil, perang tani berkembang dan berluas, mengadu petani miskin, orang asal dan orang quilombola terhadap pasukan separa tentera latifundium. Perjuangan ini, yang cenderung berbesar-besar, bermaju ke arah Revolusi Agraria sebagai asas konkrit untuk perkembangan masa hadapan Perang Rakyat. Semasa itu, Perang-Perang Rakyat dipimpin oleh Parti-Parti Marxis-Leninis-Maois di India, Peru, Turki dan Filipina sedang berkembang dalam situasi rumit, mengalahkan pengepungan kontra-revolusioner yang berturut-turut dan mengangkat tinggi panji Perang Rakyat.

Rakyat dan negara-negara tertindas menunjukkan bahawa merekalah pusat revolusi proletariat dunia, kenyataan kontradiksi terutama antara imperialisme dan rakyat dan negara-negara tertindas. Barisan Penentangan Negara Palestine dan keazaman Perang-Perang Rakyat menunjukkan dengan jelas dua kekuatan revolusi dunia:

perjuangan pembebasan nasional dan gerakan proletariat antarabangsa. Kejayaan terakhir atas imperialisme dan kemajuan, melalui Revolusi Demokratik Baharu, Revolusi Sosialis dan Revolusi Kebudayaan Proletariat, menuju komunisme emas bergantung kepada penggabungan dua kekuatan ini.

Oportunisme dan Revisionisme: perjuangan penting terhadap pembubaran dan kapitulasisme dimanifestasikan.

Reformis dan revionis adalah pendukung dan sekutu penting bagi imperialisme dan reaksioner.

Mereka cuba mentransformasikan kemarahan terkumpul proletariat antarabangsa dan rakyat tertindas terhadap sistem reaksioner menjadi cara-cara perjuangan di dalam sistem, dan mereka ingin memastikan bahawa reaksioner dapat memulih kewujudan sendirinya dalam cara yang sesuai dengan keadaan tersebut.

Contohnya, “kiri palsu” oportunis di Amerika Latin bertindak sebagai injap keselamatan (“*safety valve*”) untuk imperialisme, borjuasi besar dan tuan-tuan tanah, mereka menyediakan kerajaan reaksioner yang berdamai dengan musuh-musuh rakyat, mempromosikan kapitulasi dan ketidakorganisasian, mendorong kapitalisme birokratik dan projek-projek yang bertunduk kepada imperialis dan tuan tanah, malah membuka jalan untuk pengembalian yang sebegitu dipanggil “kanan jauh”. Di Chile, Gabriel Boric menyalurkan tenaga revolusioner Pemberontakan Sosial ke dalam proses perlembagaan yang bertujuan untuk menyempurnakan Kerajaan lama, hanya untuk melaksanakan agenda ekonomi borjuasi besar, membuka jalan untuk pengembalian diperkukuh yang sebegitu dipanggil “kanan jauh” yang mempertahankan secara terbuka kediktatoran Pinochet.

Proses perdamaian Parti Pekerja Kurdistan (PKK) menyebelahi kerajaan Turki, mengulangi serangan terbuka atas Marxisme dan “konfederalisme demokratik” yang mengelirukan menyebabkan proses perundingan dengan anasir-anasir kapitulasi: pembubaran sendiri, gencatan senjata unilateral dan penghancuran senjata yang simbolik, mengemis untuk keamanan mustahil daripada rejim fasis Turki yang hanya berbalas dengan lebih lagi penindasan dan hinaan. Kes ini menunjukkan secara berdarah bahawa meninggalkan perjuangan bersenjata dan meletakkan senjata adalah jalan langsung ke pengalahan, pengkhianatan dan pembubaran perjuangan pembebasan nasional.

Sementara imperialisme menyerang dari luar, wakilnya dalam organisasi proletariat, iaitu revisionisme, meracuni dari dalam, bertindak sebagai pembelot dalam baris-baris revolusi sendiri dan di dalam pelopor Kelas, iaitu Parti Komunis. Perjuangan dilancarkan oleh Parti Komunis India (Maois) adalah contoh penting dan beribarat. Klik revisionis Sonu dan Satish, dengan mengikuti garis pembubaran Balraj, bertindak sebagai kekuatan reaksioner di dalam gerakan. Mereka menyebarkan secara terbuka posisi-posisi kapitulasis yang menafikan jalan Perang Rakyat Berpanjangan di India, mempersoalkan garis Revolusi Demokratik Baharu dengan menafikan sifat setengah feudal India, dan menyerang kepimpinan Parti dengan cemuan “kiri” dan “militeris”. Seperti dikutuk oleh PKI (Maois), revisionis ini beroperasi dengan sokongan penuh reaksi. Pengorbanan heroik oleh Kawan Basavaraj dan ahli-ahli lain Jawatankuasa Pusat juga adalah tamparan hebat terhadap garis kapitulasis dan mengkhianati ini.

Justeru, perjuangan terhadap imperialisme tiada terpisah dan terpecah daripada perjuangan terhadap revisionisme. Semakin menajamkannya kontradiksi antara revolusi dan kontra-revolusi, pertempuran ideologi menjadi lebih ganas, penting dan berdarah. Oportunis dan revisionis adalah senjata kontra-revolusi yang paling canggih. Memperhebatkan perjuangan ideologi dan membataskan dengan jelas Marxisme-Leninisme-Maoisme daripada revisionisme, membataskan jalan Perang Rakyat dan perang revolusioner dari jalan kapitulasi dan pembubaran adalah tugas-tugas mustahak. Hanya dengan mendalamkan pertentangan dua garis dapatlah gerakan Komunis antarabangsa mengembangkan serangan kita terhadap serangan kontra-revolusioner imperialisme, reaksi dan revisionisme.

Persenjatai diri sendiri dan massa dengan konsep strategik: Imperialis dan semua reaksioner adalah harimau kertas.

Gerakan proletariat antarabangsa dan gerakan pembebasan nasional masih mengalami penyelarakan relatif dan tingkat organisasi rakyat massa dan pembinaan pelopor yang rendah, yang juga mengalami pengaruh berkekalan revisionisme. Dalam lagi demi lagi negara, organisasi-organisasi baru dibentuk untuk memperjuangkan pembentukan parti pelopor dan menyertai baris-baris Gerakan Komunis Antarabangsa. Walaupun kekuatan-kekuatan subjektif demi Revolusi masih lemah dan kecil, proletariat ada senjata paling berkuasa, Marxisme-Leninisme-Maoisme, dengan organisasi-organisasi pelopor dalam pembentukan dan dalam perjuangan untuk

kuasa, dalam perang-perang rakyat heroik, maka, di tengah-tengah zaman perkembangan besar situasi revolusi, mereka boleh maju dengan pesat.

Dari segi strategi, memandangkan yang seluruh, revolusioner mesti benci musuh, berani melawannya dan berani menang; pada masa yang bersamaan, dari segi taktik, mempertimbangkan setiap bahagian sendiri dan setiap perjuangan konkrit, mereka mesti memandang musuh dengan serius, ingin memencil and membasmi musuh selangkah demi selangkah. Tesis ini adalah konsep strategik rakyat yang penting. Bergerak dari kekuatan kecil dan lemah secara relatif ke kekuatan kuat hanyalah mungkin dalam proses perjuangan berpanjangan, di tengah-tengah pembasmian musuh yang selangkah demi selangkah, dan hanyalah mungkin dengan ketabahan ideologi kuat untuk melancarkan perlawanan dan menghadapi musuh yang mendarabkan dan mendalamkan kelemahannya kerana ia juga menjadi kejam dan zalim. Ia adalah tugas kaum komunis untuk mempersenjatai secara ideologi proletariat dan rakyat kita dengan ilmu ini, untuk memperkukuhkan keberaniannya dalam kemenangan dan keperluan untuk berani berjuang, berani menang.

Situasi ini bukan sahaja menegaskan semula bahawa keadaan objektif untuk revolusi mematang hari demi hari, tetapi terpentingnya, ia menghadapi kita dengan sebuah tugas agung. Lenin meletakkan asas untuk strategi dunia bagi menjejaskan imperialisme, menyatukan perjuangan pembebasan nasional dengan perjuangan gerakan proletariat antarabangsa. Hari ini, setiap komunis yang bersatu di bawah Marxisme-Leninisme-Maoisme (MLM) mempunyai tanggungjawab bersejarah untuk memakai dan mengembang strategi ini dalam keadaan konkrit kini. Masalah pusat kekuatan subjektif menjadi keperluan penting kaum komunis kini untuk membina tiga instrumen revolusi: Parti Komunis, Tentera Revolusioner dan Barisan Bersatu. Dan antara tiga ini, tugas utama dan menentukan adalah pembinaan dan penguatan Parti Komunis Marxis-Leninis-Maois, dalam perjuangan yang hidup-dan-mati dengan revisionisme dan mampu memimpin dan menyatukan perjuangan pembebasan nasional dengan perjuangan gerakan proletariat antarabangsa.

Gerakan Komunis Antarabangsa dan Liga Komunis Antarabangsa.

Dalam keadaan kini, peranan dan kepentingan Liga Komunis Antarabangsa (LKA) terbukti. Keperluan proletariat antarabangsa dan rakyat tertindas sedunia untuk

kepimpinan Parti-Parti MLM penting pada peringkat negara dan antarabangsa. Generasi-generasi revolusioner baru di setiap bucu glob menambah bilangan dalam baris-baris tentera proletariat antarabangsa, mendorong Gerakan Komunis Antarabangsa (GKA) yang dihidupkan semula, di dalamnya sebuah golongan telah berdiri untuk membentuk Liga Komunis Antarabangsa.

LKA mengambil langkah bersejarah depan ke arah mewujudkan kekuatan antarabangsa bersatu demi berbakti kepada Revolusi Proletariat Dunia. Penubuhannya sebagai sebuah pusat memimpin, berdasarkan pertahanan prinsip-prinsip MLM dari segi ideologi, politik dan organisasi, atas kepusatan demokratik, bukan sahaja pengatasan kehilangan Gerakan Internasionalis Revolusioner tetapi pencapaian agung perjuangan kaum komunis demi perpaduan semula dalam lima dekad belakangan ini. Kelonjakan besar ini adalah hasil kenaikan pertentangan dua garis dalam tahun-tahun dan dekad-dekad sebelum penubuhannya, yang menetapkan garis pembatasan jelas antara Marxisme dan revisionisme, di dalamnya proletariat mencapai perpaduan berdasarkan pertahanan tiga paksi: pertahanan Marxisme-Leninisme-Maoisme, perlawanan terhadap revisionisme, dan Revolusi Proletariat Dunia (RPD).

LKA mencapai kejayaan dalam tiga tahun ini, memperkukuhkan kepimpinan Maois dalam GKA yang menciptakan keadaan menguntungkan demi perkembangan pertentangan dua garis yang teratur. Ia membawa benih Marxisme-Leninisme-Maoisme ke bucu baru planet ini, menyokong pembentukan parti-parti komunis, menolong parti-parti muda untuk matang dan mendalam hubungannya dengan massa, menyumbang kepada perkembangan perjuangan anti-imperialis, dan menyokong pengangkatan organisasi anti-imperialis, yakni, ia berkhidmat kepada perkembangan kekuatan subjektif revolusi dan untuk menegakkan, mempertahankan dan mengamalkan Marxisme-Leninisme-Maoisme.

Langkah bersejarah ini masih belum lengkap. Panji merah "Bersatu di bawah Maoisme!" adalah slogan kuat yang mesti membimbing perjuangan untuk penyatuan semula seluruh GKA, untuk menyapu bersih revisionisme dan mengenakan Marxisme-Leninisme-Maoisme. Pengerusi Mao mengajarkan kita bahawa hukum perpaduan pertentangan ("*unity of opposites*") adalah motor dalaman untuk perkembangan segala perkara dan fenomena, oleh itu kita adalah pendukung perjuangan ideologi aktif, dalam jiwa perpaduan-pertentangan-perpaduan. Dalam konteks ini, perbezaan-perbezaan dalam Gerakan Komunis Antarabangsa berkepentingan besar. Ia

mempunyai masalah-masalah asas revolusi kini, oleh itu LKA perlu melancarkan serangan baru di dalam GKA bagi mengembang pertentangan dua garis.

LKA mengambil tugas untuk berkhidmat kepada pertentangan antara Marxisme dan revisionisme yang lebih luas dan mendalam, antara kiri dan kanan, bagi menyapu bersih, serpihan demi serpihan, timbunan sampah besar yang dikumpulkan oleh keberatan kontra-revolusi dan tindakan revisionisme dan segala oportunisme atas gerakan proletariat antarabangsa. Tanpa ini, mustahillah untuk proletariat melancarkan gerakan anti-imperialis antarabangsa yang kuat. Perjuangan ini serentak dengan keadaan diperlu untuk mempersenjatai proletariat dengan cabaran-cabaran sejarah baru.

Perpaduan kaum komunis pada peringkat antarabangsa adalah tugas yang rumit dan susah tetapi agung! Perpaduan kaum komunis di seluruh dunia penting untuk mencegah perang imperialis dunia atau, kalau dikenakan, dilawan dengan perang revolusioner. Perpaduan antarabangsa kaum komunis diperlu untuk mengasingkan Marxisme daripada revisionisme, untuk menyatukan kita di bawah garis ideologi dan praktik Marxisme-Leninisme-Maoisme supaya Maoisme menjadi perintah dan panduan RPD. Perpaduan antarabangsa kaum komunis penting untuk menggabungkan gerakan pembebasan nasional dan gerakan proletariat antarabangsa di bawah hegemoni proletariat dan untuk melonjak mencapai kesepadanan antara darjah perkembangan dan penempatan kekuatan subjektif revolusi dengan keadaan objektif. Seperti yang agung Lenin menunjukkan kita dengan membawa bersama gerakan komunis antarabangsa yang kecil dan lemah secara relatif di Zimmerwald untuk menyediakan kekuatan subjektif untuk pertempuran yang akan datang dan untuk melepaskan diri daripada oportunisme dan chauvinisme Internasional Kedua, ataupun seperti yang agung Stalin buat pada 1930-an dengan menyerukan kekuatan yang juga lemah secara relatif dan kecil untuk mempercepatkan persediaan untuk perang heroik yang datang pada 1940-an. Dalam keadaan objektif dan subjektif situasi dunia, ia lebihlah penting dan diperlu untuk berkhidmat kepada perkembangan kekuatan subjektif dan adalah syarat baginya untuk berkembang dengan pesat kerana dibenarkan oleh keadaan objektif dunia. Satu-satunya jalan untuk proletariat, massa dan rakyat tertindas adalah perjuangan, dan alat paling kuat adalah organisasi. Organisasi di setiap negara adalah Parti Komunis yang menyediakan ataupun mengembangkan perang-perang revolusioner, iaitu perang-perang rakyat. Organisasi proletariat antarabangsa, untuk menyatukan sebahagian demi sebahagian seluruh Gerakan Komunis Antarabangsa di bawah Marxisme-Leninisme-Maoisme.

26 Disember 2025

Liga Komunis Antarabangsa

[1] Tabung Kewangan Antarabangsa. Pandangan ekonomi global bagi tahun 2026.

[2] Menurut Jawatankuasa Ekonomi Bersama dari Kongres AS, dengan angka diberi oleh Jabatan Perbendaharaan